

06 NOV 2002

PAKISTAN-PERKONGSIAN/I

PAK KUWAIT CARI RAKAN KONGSI USAHA SAMA DARI MALAYSIA

Oleh: Othman Haji Shafie

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Pakistan Kuwait Investment Company (Pvt) Ltd (Pak Kuwait), sebuah usaha sama antara kerajaan Pakistan dan Kuwait, sedang mencari rakan-rakan kongsi di kalangan ahli perniagaan Malaysia bagi membentuk usaha sama dengan mereka.

Pengarah Urusan Pak Kuwait, Zaigham Mahmood Rizvi berkata syarikatnya berminat untuk mengadakan projek usaha sama di Malaysia memandangkan Malaysia memiliki kestabilan politik dan ekonomi yang sihat.

Rizvi berkata demikian kepada Bernama di Ouagadougou, Burkina Faso baru-baru ini semasa mesyuarat agung tahunan gabenor-gabenor Bank Pembangunan Islam (IDB) ke-27, di mana beliau merupakan antara 200 pemerhati persendirian di mesyuarat berkenaan.

Beliau berkata petunjuk perdagangan menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai asas ekonomi yang kukuh meskipun ketidaktentuan ekonomi dunia dan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat yang terutamanya disebabkan oleh konflik Amerika-Iraq.

Rizvi menyifatkan Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang dicemburui memandangkan ia dapat mengimbangi antara agama dan pembangunan.

"Semenangnya, Malaysia menjadi kebanggaan kepada Dunia Islam kerana pembangunan negara anda setara dengan negara-negara maju yang lain di dunia," katanya.

Beliau berkata di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia dengan masyarakat berbilang kaum, dapat kekal bertahan semasa krisis kegawatan ekonomi 1997.

"Kami tentunya tidak sabar-sabar untuk mempunyai rakan kongsi dalam perniagaan dengan Malaysia," katanya.

Buat masa ini, beliau berkata syarikat berkenaan terlibat dalam pelbagai aktiviti, antara lain, pembinaan, perdagangan, petroleum, perkapalan dan eksport/import.

Rizvi yang berpangkalan di Karachi berkata, Pak Kuwait (laman web: www.pkic.com) terkenal di Pakistan serta Kuwait, dan ini merupakan satu kelebihan kepada bakal rakan kongsi Malaysia untuk menjalankan perniagaan di kedua-dua negara tersebut.

"Kami juga bersedia untuk membiayai sebarang pesta atau pameran perdagangan yang dianjurkan oleh mana-mana pihak di Malaysia bagi mempamerkan produk-produk dari Pakistan dan Kuwait, serta sebaliknya. Pakistan mempunyai banyak barangan untuk ditawarkan seperti makanan dan tekstil," katanya.

Mengenai Dr Mahathir, Rizvi berkata rakyat Pakistan mengagumi beliau kerana kepimpinan dan keprihatinan beliau terhadap negara-negara mundur dan negara-negara membangun.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, yang mewakili Malaysia pada mesyuarat berkenaan, boleh mengakuinya kerana banyak delegasi yang beliau temui pada mesyuarat berkenaan memuji Dr Mahathir yang mereka anggap sebagai pemimpin yang pragmatik dan suka berterus terang.

Dr Shafie berkata delegasi juga telah melahirkan minat mereka untuk terus membangunkan peluang perniagaan di Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan pertama Republik Kyrgyz Emirlan T. Toromyrzaev berkata Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri membantu negaranya memperkembangkan pentadbiran untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada rakyatnya.

"Kami sangat berterima kasih kepada Malaysia dan kami berharap untuk

menjadi model pentadbiran selaras dengan Malaysia. Kakitangan EPU telah melawat Kyrgyzstan untuk melihat sendiri pentadbiran kami dan kami juga telah melawat Malaysia bagi mempelajari pengalaman anda," kata Toromyrzaev.

-- BERNAMA

OS KTC NHD OS